



Laporan Hasanah Menunjukkan 814,563 Individu di Malaysia Terima Sokongan pada 2024

*“The Strength of Small” Meraikan Komuniti Pembawa Perubahan, Memperkasa Mereka
Mencipta Impak yang Lebih Besar*

Kuala Lumpur, Mei 22 2025 — Yayasan Hasanah, sebuah Yayasan di bawah Khazanah Nasional Berhad, melancarkan Laporan Hasanah 2024 yang bertemakan **“The Strength of Small: Small Efforts, Big Impact”**, bagi mengiktiraf usaha kecil harian rakyat Malaysia yang mengubah kehidupan ke arah masa depan yang lebih baik di setiap pelosok negara.

Sejak penubuhannya pada tahun 2015, Yayasan Hasanah (“Hasanah”), iaitu yayasan berasaskan impak terbesar di Malaysia, telah memberi manfaat kepada 3.7 juta individu melalui pelbagai inisiatif merangkumi bidang pendidikan, pembangunan komuniti, alam sekitar, seni, dan ruang awam menerusi geran serta kerjasama strategik.

“Pada tahun 2024, impak Hasanah meningkat dengan ketara — mencapai 814,563 orang — apabila lebih banyak organisasi masyarakat sivil dan perusahaan sosial tampil menyokong usaha pembinaan negara. Peranan mereka yang semakin meningkat, khususnya dalam membantu rakyat pulih daripada cabaran pasca pandemik, telah membolehkan kami melaksanakan lebih banyak inisiatif bersama. Berbanding tahun sebelumnya, kami menggandakan jumlah inisiatif yang disokong, dengan penambahan rakan kongsi tiga kali ganda — satu gambaran jelas bagaimana semakin ramai komuniti secara aktif menyumbang idea, usaha serta ilmu pengetahuan tempatan. Kesemua pencapaian ini menjadi kenyataan kerana kami mendengar, bertindak balas, dan bekerjasama rapat dengan mereka yang paling dekat dengan isu-isu tersebut,” kata Siti Kamariah Ahmad Subki, Pemegang Amanah dan Pengarah Urusan Yayasan Hasanah.

“Tugas kami bukan sekadar mengagihkan geran — ia tentang membina masa depan yang mampan dan saksama bersama rakan kongsi yang bersedia untuk turun padang dan bertindak. **“Dalam hal ini, Hasanah memainkan peranannya sebagai pemangkin, perantara, dan kolaborator — mengumpulkan insan, idea, dan sumber bersama supaya perubahan yang berkekalan dapat berakar umbi. Kami juga mengutamakan usaha sebagai pembina kapasiti dalam sektor sosial, membolehkan lebih ramai rakan kongsi membantu lapisan masyarakat yang lebih luas dan mendalam,”** katanya.

“Kami amat berbesar hati untuk berkongsi laporan ini – koleksi inisiatif yang disokong oleh Yayasan Hasanah pada tahun lalu. Ia mewakili koleksi kisah akar umbi Malaysia yang bernadi dan bernafas - di mana tindakan kecil, merentas semua lapisan masyarakat, apabila diperkukuh, membentuk negara yang lebih baik,” tambah Siti Kamariah.

Daripada pendidikan ke alam sekitar, seni ke inovasi sosial — Yayasan Hasanah terus mencetuskan impak bergema, memajukan Malaysia merentasi semua lapisan masyarakat, menyumbang kepada 15 daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mencetuskan Gelombang Kebaikan

Pelancaran Laporan ini diadakan bersempena dengan Hari Impak Hasanah 2025 yang menghimpunkan penggerak perubahan dari seluruh Malaysia, merangkumi bidang pendidikan, pembangunan komuniti, alam sekitar, seni, dan ruang awam. Sepanjang program ini, para peserta mempelajari cara untuk mencapai matlamat mereka melalui perkongsian ilmu kaedah-kaedah terbaik, dan turut diberi taklimat mengenai pelbagai geran seperti Geran Khas Hasanah (HSG), Dana Perusahaan Sosial Hasanah (HSEF), Seni Sepanjang Musim (ArtsFAS), dan lain-lain.

“Geran-geran ini dapat direalisasikan dengan sokongan berterusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) — rakan kolaborasi dengan pelaburan yang membuahkan hasil yang nyata hari ini,” kata Siti Kamariah.

Memperkasakan Komuniti dari Akarnya

Pada tahun 2024, sebahagian besar projek Hasanah tertumpu kepada **Pendidikan** dan **Perusahaan Sosial**, diikuti oleh **Pembangunan Komuniti** — menzahirkan komitmen Hasanah terhadap pendidikan sebagai pemangkin kesamarataan, potensi model perniagaan lestari, serta kepentingan penentuan nasib sendiri dalam meningkatkan kualiti hidup dan sumber rezeki.

Antara pelbagai program yang telah dilaksanakan, Yayasan ini turut menyokong usaha para guru di Kelantan yang berani mengupas topik sensitif dalam pendidikan seks. Hasanah juga bekerjasama dengan pelbagai organisasi di seluruh negara untuk mempercepatkan pemulihan pembelajaran di kalangan kanak-kanak, mewujudkan ruang selamat bagi kesejahteraan kesihatan mental, serta memperkasa usahawan mikro — terutamanya dalam komuniti yang terpinggir.

Sementara itu, Hasanah turut menyokong Perusahaan sosial seperti Vanilla Impact di Sibu yang membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan termasuk komuniti terpinggir yang memerlukan peluang kedua untuk membina industri vanilla yang berdaya maju dan mampan secara komersial. Hasanah juga menyokong Teman, sebuah syarikat *startup* yang prihatin menangani kesunyian golongan warga tua dengan peneman terlatih.



Bagi **Alam Sekitar** pula, tanah hutan seluas 41 hektar telah dipulihara melalui penanaman semula spesies pokok tempatan, sebanyak 27 tan sisa plastik berjaya dialihkan dari tapak pelupusan, dan Model Pembangunan Lestari Perak telah dipersembahkan di pentas antarabangsa semasa Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim COP29 di Azerbaijan. Yayasan ini juga telah menyokong usaha Pusat Konservasi Beruang Madu Borneo dalam melindungi haiwan itu, juga melatih para nelayan memasang peranti pengirim pada jala mereka demi melindungi dolfin.

Dalam bidang **Seni dan Ruang Awam**, usaha berterusan telah menyemarakkan kebangkitan semula telepek — salah satu kraf tekstil tertua di Malaysia, di mana daun emas ditekap pada kain dengan penuh kemahiran dan ketelitian. Dahulu hampir dilupakan, seni halus ini kini kembali bernyawa melalui pelancaran sebuah buku berbahasa Inggeris, pameran yang tertumpu pada golongan muda, serta anugerah naungan diraja — semuanya membantu memperkenalkan kembali telepek kepada audiens yang lebih luas dan moden. Usaha menghidupkan kembali tarian Kuda Pacu oleh komuniti Bajau juga turut menerima sokongan daripada Yayasan ini.



Sementara itu, sebanyak 5,086 individu telah mendapat akses kepada bekalan air, 3,306 individu memperoleh akses kepada tenaga solar, dan seramai 557 ahli komuniti telah dilatih untuk menyelenggara sistem bekalan air dan tenaga solar melalui projek Infrastruktur Luar Bandar. Sepanjang tahun lalu, Yayasan Hasanah turut memperluaskan sokongannya melalui inisiatif khas bersama rakan strategik seperti GLC/GLIC Demi Rakyat & Negara (GDRN), di samping menyalurkan bantuan kemanusiaan melalui rakan pelaksana yang dipercayai ketika berlakunya bencana alam yang menimpa rakyat.



Sebagai sebahagian daripada peranannya dalam membentuk perbincangan berimpak serantau, kepimpinan pemikiran, perkongsian ilmu dan pembelajaran berterusan, Yayasan Hasanah telah menganjurkan lima sesi ILMU Hasanah sepanjang tahun lalu bersama para pakar bagi mencetuskan idea, merangsang perbualan dan memperdalam pemahaman dalam pelbagai topik. Ini termasuk strategi kepimpinan untuk intervensi yang mampan, bengkel kesihatan mental dan daya tahan, pengukuran impak, serta lain-lain—semuanya bagi memperlengkap para penggerak perubahan dengan kaedah untuk mencapai kejayaan. Yayasan Hasanah turut menyumbang pandangan penting di Kongres Filantropi Asia (APHIC), sekali gus mengangkat suara Malaysia dalam perbincangan mengenai kepelbagaian, kesaksamaan dan keterangkuman di rantau Asia.

“Kami menjemput rakyat Malaysia untuk merealisasikan perubahan yang mereka ingin lihat, walau sekecil mana pun – **kerana kemajuan masyarakat tercapai melalui gabungan usaha bersama daripada pelbagai pihak**. Saya menantikan lebih banyak permohonan melalui kitaran geran Hasanah – dengan harapan lebih ramai rakyat Malaysia dapat diraikan dan diberi penghormatan pada tahun hadapan,” katanya.

Laporan penuh Hasanah 2024, bertemakan “**The Strength of Small: Small Efforts, Big Impact**”, boleh didapati di thr2024.yayasanhasanah.org.

Tonton kisah impak yang memberi inspirasi di saluran **YouTube Yayasan Hasanah** [DI SINI](#).

/TAMAT/

Tentang Yayasan Hasanah

Yayasan Hasanah (“Hasanah”) merupakan yayasan berasaskan impak milik Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), dana kekayaan negara Malaysia. Hasanah telah ditubuhkan sebagai entiti bebas pada 1 Julai 2015, berasaskan usaha Tanggungjawab Korporat (CR) sembilan tahun yang sebelum ini digerakkan oleh Khazanah. Sebagai sebuah organisasi pemberi geran, Hasanah melangkaui sekadar sumbangan ringgit dan sen dengan memacu ekosistem transformasi secara kolaboratif bersama pelbagai pihak berkepentingan, menerapkan semangat advokasi dan membangunkan keupayaan dalam lima bidang tumpuan utama: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Seni dan Ruang Awam; serta Ilmu Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berhasrat untuk menggerakkan perubahan sosial dan komuniti rakyat Malaysia ke arah Memajukan Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Hannis Hisham

Senior Manager, Communications & Branding, Yayasan Hasanah

hannis.hisham@hasanah.org.my | +6019 2433 121